



EDISI 2

TIADA YANG MUSTAHIL

KISAH KEJAYAAN OKU



- *Editor*
- Norailis Ab. Wahab
- Hamidah Hassan
- Siti Mariam Sageh
- Noorhafiza Ahmad

TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2

Diterbitkan oleh:

INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

Lot PT 13856

KM6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel: 03-7985 3333 Faks: 03-7985 3300

E-mel:info@ism.gov.my

Laman Web: www.ism.gov.my

Cetakan Pertama 2022

Penerbitan © Institut Sosial Malaysia

Teks dan Foto © Institut Sosial Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Sosial Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2

EDITOR Norailis Ab. Wahab, Hamidah Hassan, Siti Mariam Sageh, Noorhafiza Ahmad. – EDISI 2.

ISBN 978-967-5472-50-3

1. People with disabilities.

2. Succesful people.

3. Success

I. Norailis Ab. Wahab. II. Hamidah Hassan.

III. Siti Mariam Sageh. IV. Noorhafiza Ahmad.

Dicetak di Malaysia oleh:

Techno Secure Print Sdn. Bhd.

SD30, Jalan KIP 10 Perindustrian Kepong,

Kepong, 52200 Kuala Lumpur



ISI KANDUNGAN

<i>Perutusan</i>	X
<i>Kata Alu-aluan</i>	XIV
<i>Penghargaan</i>	XVII
<i>Prakata</i>	XIX
<i>Senarai Ahli Pasukan Task Force Penerbitan Buku Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU Edisi 2</i>	XX
Pengenalan - Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU	1
OKU DALAM BIDANG AKADEMIK	14
Profesor Ts. Dr. Zaidi Embong	15
<i>Saintis OKU Berkerusi Roda</i>	
Profesor Madya Dr. Mohd. Nizam Barom	23
<i>Polaroid Tidak Berfilem</i>	
Dr. Ahmad Shamsuri Muhamad	33
<i>Harapan Mencipta Keberanian, Usaha Mencapai Kehormatan</i>	
Meor Muhd. Afif Aiman Abu Bakar	41
<i>Ibarat Mutiara Di Belahan Lautan</i>	



Sharifah Zubaidah Wan Abu Bakar	47
<i>Tinta Cereka Si Buta</i>	
OKU DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN	56
Aqlam Jafri	57
<i>Patah Sayap Terbang Jua</i>	
Chole Gan	65
<i>Hwarang: Teras Empat Arah</i>	
Choo Siew Cheong	71
<i>Mengejar Peluang, Menggarap Impian</i>	
Mohammad Faizal Che Yusof	79
<i>Memasak Mandat Menggalas Amanah</i>	
Norfarrah Syahirah Shaari	91
<i>Membujur Lalu Melintang Patah</i>	
Ramlah Md Jalee	99
<i>Setitis Ilmu Seluas Lautan</i>	
Zamri Mansor	107
<i>Bagai Helang Memintas Awan</i>	
OKU DALAM BIDANG KESENIAN	116
Muhammad Qayyim Nizar Sarimi	117
<i>Lantunan Suara Menusuk Kalbu</i>	
Khairul Azmi Mohd. Saat	123
<i>Suara Emas Membelai Jiwa</i>	

OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN	130
Dr. Ruzimi Mohamad @ Mahmood	131
<i>Menyulam Tekad Menggapai Impian</i>	
Khairi Othman	141
<i>Perah Keringat Menongkah Arus Ampuh Kehidupan</i>	
Mohd. Nazri Hussin	149
<i>Usah Direnung Letihnya Usaha</i>	
Muhammad Huzaery Muhamad Daud	157
<i>Dambaan Displin Dalam Potensi Menemukan Cita-Cita</i>	
Noor Azizah Muhammad Zamri	165
<i>Sabar Kunci Jaya</i>	
Nor Adzleen Abdul Karim	171
<i>Biar Tangan Berbicara</i>	
Norli Hamzah	179
<i>Warisan Kasih Penyambung Legasi</i>	
Jeannie Tan Ruey Jiuan	185
<i>Perbezaan Yang Dirai</i>	
OKU DALAM BIDANG KESUKANAN	194
Ahmad Fadil Othman	195
<i>Sinaran Permata Berharga</i>	
Bonnie Bunyau Anak Gustin	201
<i>Nekad Si Badang</i>	



Cheah Liek Hou	209
<i>Tangan Emas</i>	
Mohamad Khasseri Othman	217
<i>Pandangan Melangkaui Penglihatan</i>	
Mohamad Ridzuan Mohd. Asri	225
<i>Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang</i>	
Mohd Sabki Ariffin	233
<i>Nekad Dan Tekad Menakluk Keunggulan</i>	
Muhammad Hisyam Khaironi	243
<i>Lontaran Membina Arca Kejayaan</i>	
Muhamad Ashraf Muhammad Haisham	249
<i>Larian Mengejar Impian</i>	
Muhammad Nabil Rosli	259
<i>Sehari Selembar Benang, Lama-Lama Menjadi Kain</i>	
Sunny N Saborido	267
<i>Bahana Sang Peredam</i>	
Biodata Penulis	273

Mengejar Peluang, Menggarap Impian

OLEH: HAZRINA HASBOLAH

"Keikhlasan wujud namun sukar dilihat."
-Choo Siew Cheong-

Begitulah juga dengan kehidupan Choo Siew Cheong atau lebih dikenali sebagai Moses yang dilanda onak dan duri apabila dia diuji dengan kehilangan indera penglihatan sejak lahir lagi. Moses telah diserahkan kepada keluarga lain setelah kedua ibu bapanya mengetahui keadaannya yang kurang upaya dari segi penglihatan. Bapa angkatnya yang berasal dari Hong Kong menetap di Malaysia dan meninggalkan isterinya di Hong Kong. Di Malaysia, beliau membina sebuah keluarga baharu dan mengambil seorang lagi anak angkat perempuan. Kehidupan Moses diuji lagi apabila ibu angkatnya meninggal dunia ketika beliau berusia tiga tahun. Selepas kematian ibu angkatnya, isteri bapa angkatnya yang menetap di Hong Kong datang ke Malaysia dan mengambil alih amanah menjaga Moses. Namun, langit tidak selalu cerah. Semasa Moses berusia lima

tahun, ibu angkatnya itu turut meninggal dunia. Bertimpa-timpa ujian yang dihadapi Moses, apabila setahun selepas itu, bapa angkatnya pula meninggal dunia.

Sejurus selepas kehilangan bapa dan ibu angkatnya, Moses pula dihantar ke Sekolah Kebangsaan Jenis Cina (SJKC) St. Nicholas di Kampar disebabkan beliau kurang fasih bertutur dalam Bahasa Melayu. Sekolah tersebut turut berperanan sebagai sebuah institusi kebajikan. Disebabkan penglihatannya terbatas, beliau sering menduduki tempat kedua tercorot setiap kali peperiksaan meskipun dibantu oleh guru aritmetik yang sentiasa memudahkan urusannya dengan menulis jawapan pada setiap buku notanya. Moses bukanlah jenis yang gemar bergantung kepada orang lain. Kesusahan hidup yang dihadapinya sejak kecil lagi menyebabkan dia bertekad untuk hidup berdikari selagi mampu.

Pada tahun 1965 ketika usianya sembilan tahun, Moses dihantar oleh kakak angkatnya ke Pulau Pinang